

FAKTOR-FAKTOR DORONGAN PERLAKSANAAN INTEGRASI ILMU DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM MAAHAD TAHFIZ SAINS NEGERI SELANGOR

Zetty Nurzuliana Rasheed

Ab. Halim Tamuri

Mardiah Yahaya

Norsaleha Salleh

zetty@kuis.edu.my

tamuri@kuis.edu.my

mardhiah@kuis.edu.my

norsaleha@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Siti Suhaila Ihwani

Universiti Teknologi Malaysia

ABSTRAK

Sistem pendidikan yang menggabungkan sains sosial atau sains kemasyarakatan, sains tabii atau sains natural serta sains ketuhanan adalah perlu diterapkan dalam kurikulum bermula peringkat rendah lagi dalam usaha memantapkan lagi masyarakat yang memartabatkan ilmu dan tamadun yang berteraskan Islam. Kajian ini bertujuan untuk meneroka faktor-faktor pelaksanaan integrasi ilmu dalam kalangan guru Pendidikan Islam di Maahad Tahfiz Sains Negeri Selangor. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menggunakan temubual pensampelan bertujuan yang terdiri daripada empat orang guru Pendidikan Islam (GPI). Dapatan kajian ini diambil dari temubual secara mendalam bersama GPI dan disokong oleh data sokongan melalui temubual bersama pengetua dan guru panitia matapelajaran Pendidikan Islam serta rakan-rakan GPI. Dapatan kajian mendapati faktor-faktor yang mendorong pelaksanaan pengintegrasian ilmu dalam kalangan guru Pendidikan Islam iaitu faktor dorongan dalaman dan dorongan luaran. Faktor dorongan dalaman adalah dari dorongan diri sendiri. Manakala dapatan faktor luaran pula terdiri dari faktor dorongan pihak pentadbir sekolah, faktor dorongan dari pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), keperluan kurikulum IHEIS, faktor dari persekitaran iaitu prasarana dan faktor dari rakan sekerja.

Kata Kunci: *Integrasi, tahfiz Sains, Pendidikan Islam*

PENDAHULUAN

Sekolah adalah sebuah organisasi yang dinamis dan sentiasa menghadapi cabaran dalam memenuhi kehendak dan tuntutan masyarakat serta negara. Keperluan untuk memenuhi tuntutan ini menjadi lebih mendesak seiring dengan perkembangan teknologi maklumat yang menawarkan pelbagai perubahan yang pesat di dalam bidang ilmu pengetahuan. Selain cabaran kepesatan ilmu, sekolah juga perlu berusaha untuk mengekalkan jati diri yang tinggi dengan nilai-nilai murni dan akhlak yang mulia dalam kalangan murid.

Prestasi sesebuah sekolah sering pula dikaitkan dengan prestasi pengetua yang menjadi pemimpinnya (Edmonds 1979; Hussein Mahmood 1993; Miller 1982; Omardin Ashaari 1996). Hussein Mahmood (1993) menyatakan bahawa pengetua telah dikenal pasti sebagai orang yang amat penting di sekolah dan sebagai pemboleh ubah yang penting bagi menentukan kejayaan atau kegagalan sesuatu inovasi Pendidikan di sekolah, termasuklah prestasi murid. Oleh itu masyarakat yang dinamik pada hari ini menuntut agar pengetua hendaklah terdiri daripada pemimpin dan pentadbir pendidikan yang berilmu pengetahuan yang cukup tinggi demi pencapaian Pendidikan yang cemerlang dan paling maksimum. Menurut Omardin Ashaari (1996), memang tidak dinafikan bahawa kualiti kepimpinan, kewibawaan dan kemampuan pengetua akan mempengaruhi dan menentukan nada sesebuah sekolah, iklim pembelajaran dan pencapaian murid-muridnya. Ramai pengkaji mendapati bahawa kepimpinan pengetua mempengaruhi iklim dan budaya sekolah, inovasi, reformasi, penambahbaikan, perubahan sekolah, moral, profesionalisme dan kepuasan kerja (Blumberg & Greenfield 1980; Edmonds 1979).

Wan Liz (1996) menyatakan ketua sesebuah organisasi atau pengetua memainkan peranan yang besar dalam menentukan corak, suasana kerja, motivasi, kelicinan dan keberkesanan organisasi tersebut. Seseorang ketua jabatan yang tidak mempunyai wawasan yang jelas mengenai objektif dan arah tujuan jabatannya sudah tentu tidak akan dapat mengemudikan organisasi tersebut ke arah matlamat yang tepat. Tidak syak lagi bahawa maju atau mundurnya sesebuah organisasi itu bergantung kuat kepada kualiti dan gaya kepimpinan pemimpin-pemimpin yang memegang tanggungjawab tersebut.

Pengetua memainkan peranan sebagai pemerhati, penyelaras, pembimbing dan sebagai *resource person*. Pengetua yang berkesan sentiasa mengambil bahagian dalam membuat keputusan tentang pengajaran dan bertanggungjawab terhadap keputusan

tersebut, termasuklah faedah mengajar, bahan pengajaran dan prosedur penilaian (Sweeney 1982). Kesemua peranan ini merupakan ciri-ciri utama kepimpinan pengajaran. Pengkaji dan penulis tentang sekolah berkesan melabelkan peranan pengetua yang dikelaskan sebagai sekolah berkesan atau berjaya sebagai pemimpin pengajaran (DeBevoise 1984; Hallinger & Murphy 1983).

PERNYATAAN MASALAH

Tugas guru pastinya semakin mencabar kesan daripada perubahan dunia ke era globalisasi yang positif mahupun negatif (Ismail Zain 2002 ; Nik Mohd Rahimi et al. 2002). Dalam Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (RMK10), kerajaan menyatakan keinginan untuk menjadikan profesion perguruan lebih menarik agar dapat memantapkan pengurusan prestasi serta pembangunan bertaraf dunia. Aspek ini sebagai tambahan terhadap keinginan yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK9), bahawa kerajaan akan melakukan penambahbaikan secara komprehensif ke atas sistem penyampaian Pendidikan dan latihan (Prospek 2006-2010, Rancangan Malaysia Ke Sembilan [RMK9] 2011).

Namun apa yang berlaku di sekolah sekarang, terdapat satu sistem yang memberi penekanan kepada ilmu *aqli* sehingga mengabaikan ilmu *naqli* ataupun menawarkan ilmu *naqli* sekadarnya dengan tidak menjadikan ilmu *naqli* sebagai teras kepada ilmu *aqli* tersebut. Manakala sistem yang satu lagi pula memfokuskan hanya kepada ilmu-ilmu *naqli* dan mengabaikan ilmu *aqli* yang penting. Kedua-dua sistem ini gagal untuk mempersembahkan kepelbagaian bentuk disiplin dan hierarki ilmu dalam bentuk yang bersepadu dan harmoni. Ringkasnya, krisis dualisme dalam pendidikan menyebabkan berlakunya pemisahan antara ilmu agama dan ilmu sains moden (Noor Hisham 2011).

Kajian Zuhdi (2003) dan Maria (2012) turut menyatakan penyebaran sekularisme ini telah membawa kepada amalan dualisme dalam sistem Pendidikan yang memperlihatkan perkembangan secara terpisah ilmu *aqliyah* dengan ilmu *naqliyah*. Pengasingan ilmu yang menghasilkan dikotomi keilmuan telah menjadi penyebab kepada kemunduran ummah masa kini yang dikenali sebagai *stagnasi pemikiran Islam*. Nilai-nilai sekular yang dipelopori oleh Barat telah menjejaskan struktur ilmu Islam terlalu mementingkan rasionalis akal dan amalan penyelidikan empirikal yang sangat bercorak materialistik. Impaknya kepada kemenjadian murid ialah pertumbuhan insan yang tidak seimbang yang tidak menepati hasrat seperti yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

Menurut Osman Ayob (2014) masyarakat Islam sekarang tertinggal dalam segala aspek ilmu, khususnya sains lantaran tidak dapat menemui keharmonian yang terdapat dalam al-Quran. Fahaman mereka terhadap al-Quran masih lemah. Faktor kelemahan umat Islam dalam menghayati dan menggunakan al-Quran sebagai panduan hidup dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian masih lemah. Justeru itu, kesedaran tidak dapat berkembang sejajar dengan perkembangan semasa. Kesannya umat Islam tidak dapat membentuk identiti dan jatidiri yang sebenar kerana kesedaran masih tipis.

Osman Ayob (2014) juga menambah sistem pendidikan sekarang berpegang kepada sistem pendidikan British adalah faktor utama tidak faham tentang keharmonian tersebut. Selagi sistem ini terus menjadi model dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan, selama itulah keharmonian ini tidak akan dapat dicapai. Benar, para fanatik dalam sistem pelajaran agama juga mengarah kepada kelemahan ini. Soalnya ketidakseimbangan antara pengetahuan al-Quran dan sains mewujudkan jurang ini. Tegasnya dasar pelajaran sekular meminggirkan agama dan ajarannya, manakala satu puak lagi terlalu fanatik kepada pelajaran agama dan sains dan yang ada kaitan dengannya hinggakan menganggap sains itu tidak penting dengan andaian dan tafsiran yang salah. Justeru itu, satu pendekatan perlu dibuat bersesuaian dan keharmonian ini boleh dibina dalam konteks sejagat.

Begitu juga Fikri (2014) dalam buku tiada lagi keraguan sains dalam al-Quran menyatakan kesedaran dan kefahaman masyarakat Islam sekarang mengenai al-Quran dan sains amatlah sedikit terutama golongan-golongan muda. Berbanding dengan zaman dulu wujud ramai cendekiawan dan ilmuwan Islam seperti Ibnu Sina, Al-Khawarizmi dan ramai lagi. Mereka beramal dengan al-Quran dan membuat kajian mengenai al-Quran dengan begitu mendalam dan mereka berjaya dalam mencipta sesuatu yang baru berkaitan dengan sains. Cendekiawan bukan Islam juga telah berjaya dalam penemuan sains dan ia berhubung dengan al-Quran dengan begitu terperinci.

Kecelaruhan dalam pendidikan yang bertunjangan fahaman sekularisme ini telah mengakibatkan kekeliruan ke atas tatasusunan ilmu dan kehilangan tujuan pencapaian ilmu dalam kehidupan. Natijahnya, insan semakin jauh menyimpang daripada hakikat sebenar pendidikan, semakin luntur akhlak dan budi pekertinya dan semakin jahil dalam pertimbangan amal makruf nahi mungkar. Pendidikan yang sepatutnya membawa insan untuk lebih kenal kepada Penciptanya kini telah hilang fungsi teologinya sebaliknya lebih ke arah memenuhi keperluan tenaga kerja dan sumber manusia.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif secara deskriptif. Secara khususnya reka bentuk kajian ini menggunakan kajian kualitatif deskriptif dapat membantu pengkaji menyiasat isu yang dikenalpasti dengan mendalam dan terperinci dengan mengekalkan keasliannya secara holistik (Patton 1990). Pendekatan kualitatif ini dipilih bagi membolehkan pengkaji melihat situasi sebenar iaitu aktiviti yang berlaku, dilihat dan dialami dalam suasana yang sebenar dalam persekitaran kawasan kajian (Yin 1994).

Kajian ini kaedah kajian kualitatif deskriptif dengan teknik triangulasi iaitu temu bual. Temu bual telah dijalankan kepada empat orang guru Pendidikan Islam dan pengetua di Maahad Tahfiz Sains negeri Selangor. Dalam kajian ini, informan atau peserta kajian adalah merujuk kepada mereka yang diminta memberi fokus kepada fakta berdasarkan soalan temu bual yang memerlukan seseorang itu membina semula pengalaman secara aktif dalam konteks mereka berada (Seidman 1998). Tujuan pemilihan peserta kajian adalah untuk memberi gambaran daripada pelbagai sudut untuk fenomena yang dikaji (Barbour 2007). Dalam kajian kualitatif jumlah peserta adalah kecil, maka untuk memahami fenomena yang dikaji, peserta kajian mestilah bertujuan dan bersesuaian untuk dipilih sebagai peserta kajian (Merriam 2015).

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini berkaitan faktor-faktor yang mendorong pelaksanaan pengintegrasian ilmu di kalangan guru Pendidikan Islam dalam pengajaran Pendidikan Islam. Kajian ini mendapati peserta kajian iaitu Ustaz Khairul (GPI1), Ustazah Laila (GPI2), Ustaz Alimi (GPI3) dan Ustazah Zaya (GPI4) telah mengenali terdapat dua bahagian faktor dorongan tersebut iaitu dorongan dalaman dan dorongan luaran. Tema utama dalam faktor dorongan dalaman adalah dari dorongan diri sendiri.

Manakala faktor luaran pula dibahagikan kepada beberapa tema yang utama iaitu yang pertama faktor dorongan pihak pentadbir sekolah, kedua dorongan dari pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan subtema adalah keperluan kurikulum IHEIS, ketiga adalah faktor dari persekitaran iaitu prasarana dan yang terakhir adalah faktor dari rakan sekerja.

Keempat-empat orang guru Pendidikan Islam mempunyai pandangan yang positif dan sedar pelaksanaan pengintegrasian ilmu sains dan al-Quran dalam pengajaran Pendidikan Islam amat penting bagi tujuan pembangunan insan dan mendidik akhlak yang mulia dalam kalangan murid. Oleh itu, kesemua peserta kajian berpendapat

menyatakan bahawa ia bukan sahaja menjadi tanggungjawab dan tugas guru di sekolah untuk mengintegrasikan sains dan al-Quran malah semua pihak perlu menyokong dan bertanggung jawab melaksanakan tugas masing-masing secara bersama-sama demi mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

Setiap pihak mempunyai peranan masing-masing yang perlu dijalankan dengan satu matlamat iaitu melahirkan generasi al-Quran yang menyeluruh dan cemerlang dari aspek akademik dan akhlak serta seiring dengan keperluan sains dan teknologi. Dapatan kajian ini diambil dari temubual secara mendalam bersama GPI dan disokong oleh data sokongan melalui temubual bersama pengetua dan guru panitia matapelajaran Pendidikan Islam serta rakan-rakan GPI. Perbincangan mengenai faktor-faktor dorongan ini dimulakan dengan faktor dalaman kemudian diikuti pula dengan faktor luaran.

DORONGAN DALAMAN

Kesedaran Diri

Kajian mendapati tiga peserta kajian iaitu Ustaz Khairul, Ustazah Laila dan Ustaz Alimi bersetuju bahawa faktor dorongan yang paling utama adalah melalui diri sendiri. Ustaz Khairul merasakan satu keperluan untuk mengintegrasikan ilmu sains dan al-Quran itu dalam pengajaran mereka. Contoh pernyataan beliau; *“sebenarnya daripada kesedaran diri sendiri juga lah, baru datang kesedaran diri sendiri, barulah kita buat. Cuma seperti orang baru macam saya ni tak berapa lama lah, mungkin benda ni ooh, mungkin satu benda yang boleh saya kata benda yang sangat menarik lah untuk kita sebagai pendidik kita laksanakan untuk anak didik kita secara tak langsung kita sendiri terdorong untuk melaksanakannya* (GPI1MTS1/TB/FDM: 292, 304).

Ustaz Khairul juga menambah kekerapan untuk mengintegrasikan ilmu sains dan al-Quran itu juga bergantung kepada individu. Sebagai contoh penjelasan beliau; *“...macam mana saya kata, kalau atas individu lah ye, mungkin benda jarang berlaku, mungkin tak sekerap yang kita lakukan lah. Mungkin aaa apa hari ni kita tak payah integrasikan, ataupun nanti minggu depan lah kita integrasikan. Maka benda ni dia tak kan ada. Konsep dia tak tersistematik dengan baik lah nanti aaa maknanya akan bergantung pada individu”*(GPI1 MTS1/TB/FDM : 364).

Beliau juga menambah kesediaan guru amat penting untuk mengintegrasikan sains dan al-Quran dalam setiap sesi pengajaran dijalankan. Bagi beliau untuk mengintegrasikan ilmu amat bergantung kepada guru itu sendiri. Mereka perlu faham terlebih dahulu ilmu

yang hendak disampaikan, memahami konsepnya dan akhirnya sampaikan kepada murid. Huraian tersebut menunjukkan pernyataan beliau; *“sebenarnya nak kata susah, pada saya tak susah sebenarnya. Cumanya bergantung pada pengajar sendiri, guru tu sendiri sebenarnya, sebelum apa-apa pun kita sendiri kena prepare, kena bersedia untuk mengintegrasikan benda tu dalam diri sendiri dahulu. Pada saya lah, kemudian baru kita dah amalkan dahulu, mungkin dah faham konsep dulu, kita faham segala apa yang perlu kita ajar pada murid baru kita sampaikan “ (GPI1MTS1/TB/FDM : 054).*

Ustazah Laila pula menjelaskan, matlamat utama beliau menyampaikan ilmu pada murid adalah sebab ingin berbakti kepada murid kerana bagi beliau murid-murid di MTS1 menghafaz al-Quran dan beliau ingin murid-murid mendapat manfaat ilmu dari al-Quran itu. Ustazah meluahkan pandangan beliau dalam situasi sebak dan terharu ; *“...haa ye lah sebab saya dah ada satu mindset saya, bila saya duduk disini aaa saya kata saya nak berbakti kepada murid-murid ah hahaa faktornya macam ni sebab mereka. Saya masuk sini mereka adalah murid yang hafaz Quran. Saya tak mampu nak hafal Quran. Jadi saya rasa, saya cuma mampu nak berbakti kepada mereka saya kata apa yang saya ada nak kongsi kepada mereka, supaya manfaat kepada diri saya sendiri” (GPI2MTS1/TB/FDM: 255, 267).*

Ustazah Laila yang merupakan guru yang amat aktif dan mempunyai banyak jawatan antaranya sebagai warden asrama di MTS1 merasakan tanggungjawab itu adalah amat besar dan suami beliau amat memahami kerjaya beliau dan tidak memberi halangan untuk beliau menabur bakti kepada murid di MTS1. Ini dapat dijelaskan berdasarkan pernyataan Ustazah Laila; *“...macam suami saya pun dia tak pernah menghalang saya jadi warden ke, saya keluar malam ke, dia tak de menghalang, jadi bagi saya itu dah cukup untuk sokongan utuk saya kepada murid-murid” . (GPI2MTS1/TB/FDM : 275).*

Bagi Ustaz Alimi pula, beliau menyatakan faktor peribadi yang mendorong beliau melaksanakan pengintegrasian ilmu sains dan al-Quran dalam pengajaran Pendidikan Islam. Beliau menyatakan beliau tetap melakukan integrasi ilmu sains dan al-Quran dalam bilik darjah walaupun tanpa sokongan dari mana-mana pihak. Ini dapat dijelaskan berdasarkan pernyataan Ustaz Alimi; *“...aaa pertama sekali faktor peribadi lah. Saya sendiri memang nampak benda ni satu keperluan dan satu kepentingan, dan kita cuba untuk perjuangkan. Secara umumnya banyak faktor peribadi lah, sebab sendiri-sendiri memang nak budak ni jadi orang, haa kita tak nak dia just score semata-mata. Saya masuk sekolah ni ada satu matlamat kita nak budak ni jadi menjadi lah.*

Bila ada matlamat macam tu, tu yang saya cuba berusaha ke arah tu. Walaupun tanpa sokongan saya tetap akan buat” (GPI3MTS2/TB/FDM : 286, 290, 378).

Beliau juga mengharapkan murid-murid di MTS2 dapat menterjemahkan ilmu yang dipelajari dalam amalan kehidupan seharian, dalam erti kata lain bertadabbur dan menghayati isi kandungan al-Quran. Ini dapat dijelaskan berdasarkan pernyataan Ustaz Alimi; *“dia mampu untuk terjemahkan ilmu dia dalam perbuatan. Dalam Quran kita panggil tadabbur Quran lah, dan tadabburnya dari tiga pula, dia faham, dia hayati dan dia amali. Sebab banyak orang dia faham, tapi tak hayati. Ada yang hayati, tapi tak amal. Kira nak tadabbur ni tiga-tiga aspek ni, dia boleh rangkum semua sekali” (GPI3MTS2/TB/FDM : 298).*

Ustaz Alimi juga menambah murid-murid di MTS2 ini suka kepada sesuatu yang baru dalam sesi pengajaran. Inilah memberi semangat untuk beliau mengintegrasikan sains dan al-Quran dalam pengajaran. Penjelasan beliau; *“...murid-murid suka bila satu benda yang mungkin baru bagi dia tak pernah dengar dan dia tertarik dengan apa yang cuba kita sampaikan lah” (GPI3MTS2/TB/FDM : 382)*

Dorongan Luaran

Berikut adalah rumusan faktor-faktor dorongan luaran yang mendorong peserta kajian melaksanakan pengintegrasian ilmu sains dan al-Quran dalam pengajaran Pendidikan Islam dan dipaparkan seperti dalam Jadual 1 bagi memudahkan pemahaman.

Kategori	Tema	Sub tema	Sub-sub tema
Faktor-faktor	Dorongan luaran	Pihak pentadbir	Latihan, kursus, sokongan, bimbingan
		Pihak JAIS	Sistem IHES, latihan
		Prasarana	sumber
		Rakan sekerja	Sokongan, perbincangan
		Kakitangan sokongan	Kerja pengkeranian

Jadual 1 Rumusan tema, subtema dan sub-subtema bagi faktor dorongan luaran terhadap amalan SQ dalam pengajaran Pendidikan Islam menurut GPI

Sumber: Temu bual GPI

Jadual 1 menunjukkan dapatan kajian terhadap faktor-faktor dorongan luaran dimulakan dengan tema i) faktor dorongan dari pentadbir sekolah, diikuti ii) faktor sokongan dari pihak JAIS, iii) faktor dari prasarana, iv) faktor dari rakan sekerja, v) kakitangan sokongan.

a. Pihak Pentadbir

Dapatan kajian mendapati pihak pentadbir sekolah memainkan peranan yang amat besar dalam memberi dorongan kepada guru-guru melaksanakan pengintegrasian ilmu sains dan al-Quran dalam sesi pengajaran. Menurut Ustaz Khairul beliau menyatakan pihak pentadbir menyediakan latihan-latihan seperti kaedah pengajaran yang sesuai, strategi yang bersesuaian sebagai pendedahan kepada guru-guru di MTS1 untuk menjadikan sesi pengajaran berkesan. Ustaz Khairul berkata; “...aaa dari pihak sekolah sendiri ada sediakan latihan, maknanya ada pendedahan mungkin kita akan sediakan macam aaa teamwork, sediakan latihan untuk guru-guru mungkin kaedah bagaimana pengajaran kan, bagaimana sepatutnye kita ajar, ooh ni jadi benda tu aaa ada”(GPIIMTS1/TB/FDL : 316).

Beliau menambah lagi, pengintegrasian ilmu sains dan al-Quran ini tidak akan berjaya tanpa sokongan dan dorongan dari pihak sekolah. Ustaz Khairul memberi penjelasan berikut; “*Kita tak akan berjaya kalau kita melakukan secara bersendirian, maknanya kalau tak de sokongan daripada pihak sekolah sendiri, maka kita pun mungkin kita akan buat benda tu sekerat jalan. Aaa ataupun, benda ni tak penting kot. Haa mungkin kita akan beranggapan sedemikian lah.*” (GPIIMTS1/TB/FDL : 360).

Menurut Ustaz Khairul beliau mengharapkan pihak sekolah perlu membuat pemantauan yang lebih teliti terdapat perlaksanaan integrasi ilmu dalam sesi pengajaran guru-guru di MTS1 supaya matlamat yang dirancang tercapai dengan jayanya. Ustaz Khairul memberi penjelasan berikut; “*Pihak sekolah sendiri saya minta benda ni ada pemantauan yang lebih lah, maknanya setiap kali pemantauan pada buku rekod rancangan pengajaran, maknanya boleh kita highlight kan, mungkin boleh letak peratusan mungkin ada berapa ramai guru yang melaksanakan integrasi, yang mana yang tak tercapai integrasi, kita boleh orang kata kita muhasabah balik, kita tengokkan mana yang kurang tu kita cuba bagi pendedahan lebih lah. Sebabnya saya lihat aah bukan pada diri saya juga lah, mungkin ada yang kita punya integrasi tu tak capai kan. Jadi pihak sekolah pun sekadar tengok dan tidak ada apa-apa tindakan lah. Dari pemantauan tu, untuk memastikan benda ni berjalan, saya rasa penting lah*” (GPIIMTS1/TB/FDL: 376)

Bagi Ustazah Laila pula, pengetua sekolah selaku pentadbir sekolah amat memberi sokongan dan dorongan kepada guru-guru di MTS1. Pengetua di MTS1 amat memberi kebebasan kepada guru-guru di MTS1 ini berinovasi dan melakukan perubahan dalam

sesi pengajaran. Ustazah Laila memberi penjelasan berikut; “...dari pihak sekolah ni alhamdulillah. Pengetua bukanlah memberi kebebasan sepenuhnya tapi pengetua memberikan ruang untuk guru-gurunya lebih aaa inovasi tu mereka lahirkan sendiri. Jadi pengetua Cuma aaa dia memberi sokongan, mana yang sesuai untuk murid, mana yang tidak sesuai” (GPI2MTS1/TB/FDL : 283).

Oleh itu, Ustazah Laila mengharapkan dari pihak pentadbir supaya mengadakan latihan-latihan atau kursus-kursus yang berbentuk pendedahan dalam sesi pengajaran berasaskan integrasi ilmu dan program jati diri serta motivasi kepada guru-guru di MTS1. “...sebenarnya saya perlukan lebih banyak pendedahan lah, sebab nak kata pengalaman mengajar tu kurang, jadi saya lebih suka kalau didedahkan dengan aaa kalau sekarang ni lebih kepada dia macam latihan dalam perkhidmatan lah. Macam satu kursus ke, atau something yang begitu lah. Sekiranya tak berkaitan dengan pengajaran pun dia lebih kepada jati diri ke, dia ada pembangunan diri sendiri ke, haa macam tu lah” (GPI2MTS1/TB/FDL : 307,311).

Dapatan daripada temubual bersama ketua panitia Pendidikan Islam di MTS1 menyatakan beliau sentiasa memberi galakan kepada guru-guru Pendidikan Islam di bawah seliaan beliau mengamalkan integrasi ilmu sains dan al-Quran semasa sesi pengajaran Pendidikan Islam. Contoh pernyataan beliau; “...peranan saya sebagai ketua panitia ni ada jugakla saya bagi galakkan, pasal yang integrasi, pasal saya nampak yang integrasi ni memang baguslah aaa lebih-lebih lagi dalam Pendidikan Islam ni, saya ada bagilah sikit emm peranan saya sebagai ketua panitia saya bagila sikit tentang penerapan nilai-nilai murni” (KP1MTS1/TB/FDL : 067).

Menurut KP1MTS1 juga kursus-kursus yang berkaitan dengan IHES ada dijalankan di MTS1 ini, namun begitu ianya hanya sekadar pendedahan awal kepada guru-guru. Beliau berpandangan mungkin ada sesetengah guru masih kurang faham berkaitan dengan integrasi ilmu yang digagaskan oleh pihak MTS1. Setiap kali kursus dijalankan mesti ada percambahan ilmu itu berlaku. Hujah beliau; “peringkat awal tu dia, dalam tiga kali lah tiga ke empat kali macam tu. Faham semuanya tu taklah jadi sebenarnya kadang-kadang kita dengar tu untuk melaksanakan nanti kita akan hadapi masalahla. Nak kata keseluruhan itu tidakla. Tapi setiap kali kursus tu ada penambahan ilmu kita dapat untuk pengajaran” (KP1MTS1/TB/FDL : 099).

Begitu juga dengan dapatan kajian dari temubual pengetua di MTS1 yang menyatakan latihan-latihan kepada guru-guru ada disediakan oleh pihak sekolah yang diuruskan di

bawah Unit Latihan, JAIS. Program latihan ini dijalankan secara dua peringkat iaitu peringkat dalaman atau *in house training* dan juga peringkat luaran iaitu guru-guru yang menjadi wakil sekolah di hantar ke latihan-latihan yang berkaitan oleh pihak sekolah. Latihan-latihan ini biasanya dijalankan di Pusat Latihan Agama dan Dakwah atau lebih dikenali dengan nama Institut Latihan Dakwah Selangor (ILDAS). Pernyataan beliau; *“Baik untuk latihan, sebenarnya diuruskan oleh Unit Latihan Jabatan Agama Selangor dan biasanya pada bulan 8 mereka akan keluarkan borang untuk kita mohon apakah bentuk latihan yang disediakan lah atau kita mohon apa bentuk latihan yang diperlukan untuk guru-guru dan biasanya nama-nama akan di key in dan guru akan di hantar ke pusat tu lah. Maknanya latihan dikawal oleh unit latihan dan biasanya di buat di ILDAS atau premis-premis selain dari ILDAS lah”* (PG1MTS1/TB/FDL : 044).

Beliau juga menambah, program latihan dalaman diadakan di sekolah mengikut kepada keperluan dan permintaan dari guru-guru. Program ini dikenali sebagai program Latihan dalam Perkhidmatan (LADAP) yang dijalankan sebanyak empat kali setahun. Latihan-latihan yang dijalankan ini mengikut kepada keperluan sistem integrasi yang diamalkan di MTS1 ini. Sebagai contoh diadakan latihan pedagogi al-Quran khusus kepada guru-guru al-Quran dan juga latihan pengintegrasian ilmu sains kepada guru matapelajaran kimia, kursus kemahiran ICT, Excel dan sebagainya. Namun begitu, beliau mengakui program latihan-latihan masih dalam proses penambahbaikan dan dimurnikan mengikut kesesuaian kepada sistem IHES. Contoh pernyataan beliau; *“kita sediakan setiap hari isnin dan selasa guru-guru, aaa in house training dalaman kita untuk aaa apa dia ict tu, kita mintak guru-guru ke komputer program ict, kita mintak belajar tentang excel”*(PG1MTS1/TB/FDL : 054, 058).

Bagi Ustaz Alimi pihak pentadbir sekolah merupakan agen atau perantara dengan JAIS. Pihak sekolah telah mencadangkan beberapa program-program integrasi ilmu kepada pihak JAIS untuk penambahbaikan pengajaran guru-guru. Ustaz Alimi menjelaskan seperti demikian; *“...pihak pentadbiran lah. Sebab dia merupakan agen JAIS kan. Kemudian aaa kadang-kadang dia ada pengisian kepada kakitangan. Untuk yang akan datang ni, bulan 9 ni ada team building. Team building ni memang aktiviti seronok-seronok tapi, kita selitkan benda integrasi ni lah. Sebelum ni memang daripada pihak request dari pihak maahad..”* (GPI3MTS2/TB/FDL: 306).

Hasil dapatan dari temubual yang dijalankan kepada ketua panitia Pendidikan Islam di MTS2 menyatakan beliau sentiasa memberi dorongan dan bimbingan kepada guru-guru Pendidikan Islam di bawah seliaan beliau. Contoh pandangan beliau; *“Yang biasa kita*

buat, kita bagi bimbinganlah. Kalau macam berapa jelas tak berapa jelas aaa, tentang, aaa suatu topik ke apa, jadi kita buat perbincanganlah, perbincangan-perbincangan secara tak rasmi tula yang dilaksanakan”(KP2 MTS2/TB/FDL : 094,098,102).

b. Pihak JAIS

Di MTS1 dan MTS2 menggunakan sistem pendidikan yang bersepadu iaitu *Integrated Holistik Education System (IHES)* yang melaksanakan kurikulum bersepadu dalam merealisasikan visi dan misi ke arah melahirkan generasi al-Quran yang seiring dengan perkembangan sains dan teknologi. Di samping itu untuk melahirkan murid-murid yang baik dari aspek akademik dan agama. Sistem IHEIS ini dikelola oleh Jabatan Pendidikan Islam, JAIS. Menurut Ustaz Khairul beliau melaksanakan pengintegrasian ilmu sains dan al-Quran adalah kerana sistem yang terdapat di MTS1 ini iaitu IHES. Sebagai contoh huraian beliau; “....faktor yang pertama sekali lah adalah berdasarkan kepada kurikulum yang telah ditetapkan lah oleh JAIS untuk sistem persekolahan ni, yang termaktub bawah JAIS lah” (GPI1MTS1/TB/FDL: 292). Beliau juga menambah; “kalau daripada sudut aaa orang kata perlembagaan JAIS sendiri, faktor ni memang dia menginginkan melahirkan generasi al-Quran di samping benda ni melahirkan benda ni melahirkan dua keadaan pada satu insan lah. Maknanya satu individu ni dia berkecimpung dalam banyak benda Bukan banyak benda maksudnya dia boleh fokus pada dua cabang yang berbeza, maksudnya dari segi akademik dan dari segi agama” (GPI1MTS1/TB/FDL : 300).

Menurut pandangan Ustaz Khairul di JAIS memang mempunyai jawatankuasa kurikulum yang memantau dan membantu guru-guru di MTS1 melaksanakan pengintegrasian ilmu sains dan al-Quran dalam bilik darjah. Jawatankuasa ini berperanan memberi latihan dan kursus-kursus yang bersesuaian untuk memberi pendedahan kepada guru-guru berkaitan integrasi ilmu dalam pengajaran. Ustaz Khairul menjelaskan menerusi pernyataan beliau ; “....dari JAIS sendiri dia memang ada sediakan satu team, maknanya dia dah ada jawatankuasa yang memainkan peranan untuk menerjemahkan konsep integrasi ni pada guru dengan memberikan kursus, penerangan, maknanya ada penerangan tu bersiri maknanya, supaya guru ni, pendidik ni lebih memahami bagaimanakah konsep yang kita nak bawa dalam pendidikan. Maknanya, adakah kita mengajar satu hala ataupun dengan bahan-bahan bantu mengajar kita boleh masukkan segala aspek supaya pembelajaran lebih cantik dan lebih berkesan. Maknanya pembelajaran tu tidak bertumpu pada satu-satu tajuk dan dia tak berkembang macam tu. Maknanya biar dia berkembang” (GPI1MTS1/TB/FDL : 308).

Ustaz Khairul juga menyatakan pihak JAIS yang menyediakan beberapa modul yang dikenali dengan modul IHES kepada guru-guru yang mengajar di MTS1 dan MTS2 ini. Modul-modul ini disusun dan diajar secara berkala mengikut kategori guru iaitu kategori guru yang baharu dan kategori guru yang telah lama berkhidmat. “.....*guru-guru baru ada seperti saya, macam saya ni saya dah didedahkan dengan beberapa siri lah berkaitan dengan integrasi ni. Cuma, kita tetap kena study walaupun dia latihan, tapi kena banyakkkan lagi pembacaan, dan mungkin kita memang kena study lagi lah*”(GPI1MTS1/TB/FDL : 320).

Bagi Ustaz Khairul yang selaku guru yang baharu di MTS1 ini, beliau telah mengikuti kursus yang berkaitan dengan integrasi ilmu sebanyak tiga keempat kali sepanjang berada di MTS1 dari tahun 2012. Sebagai contoh penjelasan beliau; “...*setakat ni dia ikut peringkat lah. Dari siri 1 mungkin pendedahan apakah integrasi saja. Ok modul yang kedua baru diketengahkan, aaa seingat saya, saya pun lupa, 3 ataupun 4*” (GPI1MTS1/TB/FDL : 328, 332)

Ustaz Alimi juga mempunyai pandangan yang sama dengan Ustaz Khairul. Faktor dorongan beliau untuk mengintegrasikan ilmu sains dan al-Quran ini adalah disebabkan oleh sistem yang diamalkan di MTS2 ini iaitu kurikulum bersepadu dan holistik iaitu mempunyai kurikulum tahfiz dan sains. Bagi beliau pelaksanaan integrasi ilmu sains dan al-Quran tidak akan berjaya sekiranya beliau usahakan seorang diri. Ustaz Alimi menjelaskan; “*bila kita tengok maahad ni, dia ada dia punya sistem tersendiri. Dan sistem tu pulak kena relate dengan yang apa kita nak, so dia jadi lebih support dan lebih kepada kita lah. Cuma tinggal lagi, dalam pelaksanaan je lah, kalau seorang je tak jadi*” (GPI3MTS2/TB/FDL: 290).

Bagi Ustazah Zaya pula faktor yang mendorong beliau mengintegrasikan ilmu Sains dan al-Quran adalah sebab sistem IHEIS yang diadakan di MTS2 ini. Ustazah Zaya menjelaskan; “*aaa integrasi dengan al-Quran tu memang sebab ada dalam IHES. Aaa jadi memang setiap apa tu kita kena apakan dengan al-Quran lah. Sebab Pendidikan Islam ni memang ada kaitan dengan ayat-ayat al-Quran kan.. daripada JAIS lah sebenarnya. Yang saya dapat*”(GPI4MTS2/TB/FDL:173,181).

c. Prasarana

Prasarana memainkan penting dalam menjayakan sesi pengajaran guru. Setiap sekolah dibekalalkan dengan kemudahan prasarana seperti bangunan, dewan, makmal, kantin pusat sumber dan sebagainya. Berdasarkan dapatan tringulasi kajian dari temu bual

pengetua MTS1 menyatakan bahawa kemudahan prasarana di MTS1 adalah mencukupi dan beliau amat berpuas hati dengan kerjasama yang diberikan oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) serta bantuan dari kerajaan negeri menyediakan bangunan, makmal, dewan besar dan kemudahan bbm kepada guru-guru untuk menjadikan sesi pengajaran lebih berkesan. Contoh pernyataan beliau; *“prasarana emm pada kita setakat ni mencukupi Alhamdulillah. PIBG disamping kerajaan negeri pun memberikan beberapa kemudahan lah, tapi untuk projek akan datang ni ada beberapa projek yang kita mintak antaranya dewan, dewan besar untuk aktiviti pelbagai lah dan juga inshaAllah beberapa kemudahan termasuklah kita nak supaya di sekolah, sekolah tahfiz sains ni dia ada makmal macam makmal matematik, makmal lain dah ada dah, macam makmal matematik, makmal bahasa, kalau boleh makmal Quran digital jadi benda-benda ni membantu kepada proses pembelajaran tapi maknanya bukanlah benda tu mesti ada atau tidak, tapi pada kami kalau ada itu lebih menggambarkan kesungguhan kita bagaimana kita nak develop satu sekolah Islam maknanya standing dengan sekolah-sekolah lain, kalau tak de pun kita boleh berjalan tapi kalau ada itu boleh menggambarkan kesempurnaannya lah”* (PG1MTS1/TB/FDL : 080,084).

d. Rakan Sekerja

Menurut Ustaz Khairul, rakan sekerja merupakan faktor pendorong untuk beliau melaksanakan integrasi ilmu sains dan al-Quran dalam sesi pengajaran. Menurut beliau perbincangan dari rakan-rakan amat perlu untuk menambah input dan bahan bantu mengajar yang diperlukan semasa sesi pengajaran dijalankan. Sebagai contoh penjelasan beliau; *“...dorongan kawan-kawan ni, maknanya benda ni perlulah. Kalau orang kata kita nak lihat anak murid kita berjaya, anak bangsa kita yang maju dan mempunyai sahsiah yang tinggi. Maka perlulah kita laksanakan benda yang seperti integrasi ni. Pada saya lah”* (GPI1MTS1/TB/FDL 2014: 300). Beliau juga menambah; *“perbincangan dengan guru-guru sendiri bagaimana kita nak laksanakan, bagaimana kita nak lakukan, bagaimana kita nak sampaikan integrasi ni supaya boleh dijalankan dengan berkesan dalam pengajaran kan sebenarnya bermula daripada hasil perbincangan tu lah kita dapat buat fikiran baru, kita dapat jana fikiran kita sendiri ,bagaimana? Itu terpulang pada pada individu untuk kita terjemahkan”*(GPI1MTS1/TB/FDL:312).

Selain itu melalui triangulasi dapatan temubual dengan rakan sekerja Ustaz Khairul yang merupakan guru sains di MTS1 menyatakan Ustaz Khairul selalu mengadakan sesi perbincangan berkaitan dengan isi pelajaran Pendidikan Islam yang memerlukan gabungan dari fakta saintifik. Menurut Encik Helmi; *“....ya beliau selalu bertanya saya*

fakta-fakta saintifik yang bersesuaian dengan isi pelajaran yang beliau ingin sampaikan. Aaa kami sama-sama mengeluarkan idea dan buah fikiran aaa tengok kepada kesesuaian la” (RK1MTS1/TB/FDL: 003).

Ustaz Khairul yang amat mementingkan aspek kerjasama dalam melaksanakan sesuatu kerja merasakan amat penting mempunyai dorongan rakan sekerja yang boleh membantu meningkatkan mutu pengajaran beliau dari masa ke semasa. Tambahan pula beliau yang masih baharu dalam sistem IHES ini. Ustaz Khairul memberikan penjelasan berikut; “...kita ni kalau kita bersendirian kita tak mampu untuk melaksanakan. Saya lebih suka untuk bekerjasama. Kerjasama ni maksudnya kita ada rasa...tidaklah kita keseorangan untuk menjalankan sesuatu benda. Benda tu tidak nampak ganjil lah. Haaa satu lagi, kalau kita melakukan benda yang sama maknanya kita ada penjanaan buah fikiran. Maknanya mungkin, mungkin salah..ada pengalaman guru ni, sepatutnya sedemikian, sedemikian jadi kita ada penambah baikan dari segi pengajaran kita, macam mana nak integrasikan dengan baik lah. Itu pada saya lah” (GPI1MTS1/TB/FDL : 352).

Ustazah Laila juga menyatakan sifat kebersamaan dengan rakan sekerja itu amat penting dalam menjayakan proses integrasi ilmu sains dan al-Quran ini. Hubungan antara rakan sekerja di MTS1 ini adalah diibaratkan sebagai satu keluarga. Sebagai contoh kenyataan Ustazah Laila; “... emmm rakan sebaya itu sudah pastilah, mereka banyak membantu kalau ada apa-apa yang saya perlu. Kalau guru ni dah macam satu keluarga lah” (GPI2MTS1/TB/FDL: 279)

Menurut Ustazah Laila budaya kerja di MTS1 ini adalah saling membantu antara satu sama lain. Aktiviti di MTS1 memang terlalu banyak untuk dilaksanakan. Dengan itu memerlukan sokongan yang kuat dari rakan sekerja untuk merealisasikan proses pengintegrasian ilmu sains dan al-Quran berlansung .Ustazah menjelaskan seperti demikian; “Budayanya satu, kat sini memang kita kalau ada apa-apa cuma satu lah memang saling membantu. Kita kan banyak aktiviti, bukan terlampau lah tapi memang banyak aktiviti. Bila banyak aktiviti memang kena ada banyak kerja lah. Jadi aaaa walaupun tidak semua guru yang akan banyak memberikan kerja sama, tapi kerjasama daripada guru-guru yang memberi kerja sama tu dah cukup dah” (GPI2MTS1/TB/FDL : 287).

Bagi Ustazah Laila perkara perkara yang susah itu akan jadi mudah dan berhasil sekiranya ada sokongan dari rakan sekerja yang banyak membantu. Ustazah Laila

menjelaskan; *“memang penting, memang perlu. Penting sebab bagi saya dengan sokongan-sokongan ni lah kita dapat memudahkan sesuatu perkara. Kalau misalnya aa perkara yang susah tu kalau, ada sokongan orang lain tu jadi mudah, jadi sesuatu perkara jadi mudah lah, cepat”*(GPI2MTS1/TB/FDL:295).

Menurut Ustaz Alimi di MTS mempunyai dua golongan rakan sekerja iaitu rakan yang terdiri dari generasi yang muda dan rakan yang terdiri dari generasi yang lama-lama atau senior. Sesi perkongsian dan perbincangan ilmu secara tidak formal kerap berlaku antara satu sama lain. Ini memberi dorongan untuk beliau mengintegrasikan ilmu sains dan al-Quran dalam sesi pengajaran. Ustaz Alimi menjelaskan; *“secara formal tu boleh kata tak de lah. Kalau sembang-sembang, kalau kita duduk sembang-sembang tu dia dekat maahad ni ada dua generasi. Satu generasi muda, lepas tu generasi yag lama-lama sikit. Jadi kita duduk dengan generasi muda sembang-sembang ni, ada lah idea-idea yang keluar. So ada perbincangan lah di kalangan kami-kami ni* (GPI3MTS2/TB/FDL: 314, 318).

Ustaz Alimi bersetuju dengan pandangan Ustazah Laila yang menyatakan perlu ada kebersamaan dalam satu organisasi tersebut. Ini adalah kerana untuk melahirkan generasi yang baik perlu mempunyai fikrah dan asas yang sama. Hujah beliau; *“kebersamaan, dalam Islam dia panggil intima’. Menyerahkan kebersamaan biar kita bersatu buat benda ni. Aaa fikrah kita bersatu, atas dasar itu kita nak lahirkan generasi yang lebih baik”*(GPI3MTS2/TB/FDL: 394).

e) Kakitangan sokongan

Ustazah Laila juga menambah kakitangan sokongan juga membantu dari aspek kerja-kerja pengkeranian. Beliau yang memegang jawatan ketua panitia sejarah amat memerlukan sokongan dari kakitangan sokongan ini. Kata Ustazah Laila; (GPI2 MTS1/TB/FDL :283) *“ kakitangan sokongan pun lagi banyak lah membantu. Kadang kita kerja-kerja perkeranian, mereka yang buat. Jadi, kita pun sokongan daripada situ pun dah memadai dah”*.

Kesimpulannya, kajian ini mendapati faktor-faktor pendorong seperti faktor dalaman seperti kesedaran dalam diri guru amat mendorong peserta kajian mengintegrasikan ilmu sains dan al-Quran dalam pengajaran mereka. Manakala faktor-faktor luaran seperti adanya sistem bersepadu dan holistik (IHES), peranan pihak pentadbir sekolah seperti pengetua yang prihatin dan mengambil berat terhadap pembangunan murid, perbincangan dengan rakan-rakan sekerja serta kakitangan sokongan yang banyak

meringankan kerja-kerja pengkeranian. Di samping itu sokongan dari pihak JAIS dari aspek pemantauan, pemberian latihan, bengkel, kursus serta penyediaan bahan pengajaran dan sumber rujukan serta prasarana sangat penting dalam merangsang motivasi guru-guru Pendidikan Islam untuk melaksanakan proses pengintegrasian ilmu sains dan al-Quran dalam pengajaran mereka. Perbincangan yang seterusnya menjuruskan kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh GPI untuk mengintegrasikan ilmu sains dan al-Quran dalam pengajaran.

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Kekuatan sesuatu proses itu amat bergantung kepada tenaga atau penggerak yang melaksanakan proses tersebut. Begitu juga dengan proses pengintegrasian ilmu Sains dan al-Quran yang dilaksanakan di sekolah kajian ini. Faktor utama yang menggerakkan proses integrasi ilmu ini berlaku adalah melalui sokongan dari guru-guru. Sememangnya guru memainkan peranan yang penting dalam melaksanakan sesi P&P secara berkesan. Guru perlu mempunyai kekuatan dalaman yang bermula dari hati yang ikhlas. Dapatan ini selari dengan pandangan Wan Mohd Nor (2012) yang menyatakan pembinaan tradisi ilmu dan saintifik dalam diri individu adalah sesuatu yang amat sukar sebab ianya memerlukan keikhlasan, kegigihan dan ketajaman akal fikiran untuk menyelidik, mencari kebenaran dan menyebarkannya demi mencapai keredaan Allah s.w.t.

Dapatan kajian ini disokong oleh kajian yang dibuat oleh Tunku Sarah (1997) membincangkan faktor dalaman manusia yang membentuk peribadi insan. Manusia pada fitrahnya mempunyai rasa hati yang mesti dijaga dan dilayani kehendak nalurinya. Hati yang baik hanya boleh lahir jika manusia itu mendidik dan mengingatkan dirinya bahawa penerapan nilai-nilai murni itu lahir dari hati yang bersih. Hati yang bersih itu dapat mendorong seseorang individu itu memperolehi ilmu yang bermanfaat dari Allah s.w.t. Menurut Habsah Ismail (2000) kefahaman guru tentang konsep pengintegrasian ilmu hanya akan dapat dilaksanakan jika sikap guru adalah positif dan ini memerlukan komitmen mendalam daripada guru sendiri.

Dalam usaha untuk menjayakan pendidikan bersepadu ini komitmen diperlukan daripada guru adalah dari segi masa, tenaga dan juga diri guru sebagai *role model*. Sebagai *role model* guru harus berpegang kepada prinsip Pendidikan sepanjang hayat kerana insan yang dididik mempunyai sifat-sifat yang tidak sempurna dan memerlukan jangka waktu yang berterusan untuk membentuk sahsiah yang seimbang dan sepadu.

Selain itu galakan dari pihak pentadbir khususnya pengetua merupakan salah satu faktor pendorong penting yang merangsang motivasi peserta kajian untuk mengintegrasikan ilmu sains dan al-Quran dalam pengajaran. Dapatan kajian ini menunjukkan pengetua bertindak sebagai pemimpin yang menyokong, membimbing, dan memberi tunjuk ajar kepada guru dalam melaksanakan tugas dengan cemerlang dan bertanggungjawab. Sememangnya pengetua perlu mewujudkan hubungan yang baik dengan guru dan bertindak sebagai pemimpin yang boleh dijadikan mentor dan ikutan.

Dapatan kajian juga menunjukkan pengetua terlibat secara langsung sebagai jurulatih yang mengendalikan program-program integrasi ilmu yang diwujudkan oleh pihak JAIS. Keperluan kepada komunikasi dua hala di antara pengetua dan guru sangat penting supaya wujud perasaan sepunya dalam kalangan guru yang merasakan kemahiran dan komitmen dan usaha mereka dihargai oleh pengetua. Secara tidak langsung ia memberi impak kepada motivasi dan komitmen kerja guru kerana mereka diberikan penghargaan dan pengiktirafan atas tanggungjawab yang telah dilaksanakan. Dapatan kajian ini selari dengan pandangan Habsah Ismail (2000) yang menyatakan pengetua sebagai pihak pentadbir sekolah perlu mewujudkan kerjasama dengan pihak guru untuk menjayakan proses pengintegrasian ilmu ini.

Di samping itu juga Bahagian Pendidikan Islam, JAIS juga memainkan peranan penting bagi memastikan kelancaran proses integrasi ilmu berlaku di sekolah di bawah pengurusannya. Sekolah kajian pengkaji merupakan sekolah yang sepenuhnya di bawah kelolaan pengurusan JAIS iaitu bermula dari kurikulum, proses pengambilan guru-guru dan pelajar juga kepada penyediaan prasarana sekolah. Pihak JAIS juga diharap sentiasa memperbaiki dan menilai keberkesanan kurikulum Pendidikan Islam dari masa ke semasa ke arah meningkatkan pembangunan insan dari aspek keseimbangan intelek dan akhlak. Dapatan ini disokong melalui kajian (Rosnani Hashim 2008; Noor Hisham 2011) yang menyatakan bahawa perlunya kepada perubahan kurikulum Pendidikan Islam yang memberi tumpuan dan perhatian kepada pengintegrasian ilmu yang seiring dengan perkembangan dan peredaran semasa.

Begitu juga dengan kemudahan prasarana iaitu dari aspek prolehan dan kemahiran seperti pembacaan bahan-bahan berkaitan integrasi ilmu, sumber-sumber rujukan dan dokumen masih belum mencukupi bagi guru melaksanakan pengintegrasian ilmu sains dan al-Quran dalam pengajaran. Penyediaan bahan-bahan pengajaran dan rujukan berkaitan dengan aspek integrasi ilmu juga perlu dititikberatkan oleh pihak JAIS. Bahan rujukan yang amat terhad menyukarkan proses pengintegrasian ilmu sains dan al-Quran

dilaksanakan. Dapatan ini selaras dengan dapatan kajian (Mohd Kamal Hasan 2002; Osman Bakar 2011) iaitu kurikulum Pendidikan Islam memerlukan penerbitan buku-buku teks Pendidikan Islam yang memberi perhatian kepada integrasi ilmu dan etika. Sehubungan itu lebih banyak penyelidikan perlu dilaksanakan sebagaimana dinyatakan oleh (Ab.Halim Tamuri 2009). Penyaluran maklumat terkini kepada guru berkaitan aspek integrasi ilmu perlu dilaksanakan sebagaimana dinyatakan oleh (Noor Hisham 2009; Zanaton 2013) dalam kajian mereka. Seterusnya secara tidak langsung ia turut dijadikan satu garis panduan bagaimana untuk melaksanakan integrasi ilmu Sains dan al-Quran dalam pengajaran Pendidikan Islam.

Pemberian kursus-kursus dan latihan secara terancang berkaitan dengan integrasi ilmu dari masa ke semasa dilihat dapat membantu peserta malah berupaya membuka minda dan mencambah idea guru pendidikan Islam dalam melaksanakan proses pengintegrasian ilmu dalam pengajaran mereka. Dapatan ini disokong oleh dapatan kajian (Ab. Halim Tamuri 2009; Muhammad Syukri Salleh 2002; Tajul Ariffin 2002) iaitu guru harus digalakkan untuk menghadiri seminar, bengkel dan membuat penyelidikan bagi menambah pengetahuan mereka dalam melaksanakan integrasi ilmu sains dan al-Quran dalam pengajaran.

Sokongan yang berterusan daripada pihak JAIS kepada pihak sekolah dan guru Pendidikan Islam menerusi pengendalian kursus-kursus dan latihan kepada guru juga boleh meningkatkan pengetahuan serta kemahiran guru dari masa ke semasa. Kursus dan latihan untuk meningkatkan profesionalisme guru didapati sangat membantu dalam meningkatkan kebolehan dan keupayaan guru dalam melaksanakan pengintegrasian ilmu Sains dan al-Quran dalam pengajaran. Latihan dan kursus yang diberikan berkaitan dengan integrasi ilmu dan pedagogi kandungan juga diperlukan untuk memberi input dan memperlengkapkan diri guru dengan khazanah ilmu yang berguna bagi menghadapi perubahan senario yang berlaku dalam bidang Pendidikan Islam dan arus Pendidikan negara.

Selain itu hasil kajian menunjukkan pihak JAIS perlu melakukan perubahan dari segi modul-modul yang disediakan melalui sistem Pendidikan integrasi dan holistik yang dikelola oleh pihak JAIS. Modul-modul perlu dilaksanakan secara terancang dan seiring dengan keperluan latihan guru-guru. Di samping itu juga perlu juga diwujudkan jurulatih-jurulatih yang cekap dan berpengalaman untuk melatih-melatih guru-guru supaya lebih memahami proses pelaksanaan integrasi ilmu ini. Ini bersesuaian dengan kajian (Mohd Kamal Radiman 2014, Noor Hisham 2015).

Dapatan kajian juga mendapati sokongan dari rakan setugas juga memotivasikan peserta kajian untuk membangunkan peribadi murid. Keadaan ini disebabkan rakan setugas merupakan individu yang paling hampir dengan peserta kajian dalam persekitaran kerja mereka. Rakan setugas merupakan individu yang paling hampir dan sangat memahami akan persekitaran kerja seseorang pendidik di mana mereka boleh bertukar-tukar fikiran dan berbincang berkaitan tanggungjawab sebagai seorang pendidik di sekolah yang dipenuhi dengan rutin harian yang pelbagai. Dapatan ini disokong oleh kajian (Johari 1992; Suhana et al. 2014).

Berdasarkan dapatan kajian mendapati budaya menunjukkan kewujudan iklim dan persekolahan yang selesa, bersih dan harmoni akan memberi impak yang positif kepada peserta kajian dalam melaksanakan tugas dengan penuh dedikasi dan cemerlang yang juga selaras dengan kajian (Ahmad Kilani 2003). Bertepatan dengan pandangan (Noor Hisham 2015; Tajul Ariffin 2015) iaitu sekolah perlu menyediakan persekitaran yang kondusif yang menyokong proses pembangunan insan para pelajar yang seiring dengan kehendak FPK yang ingin melahirkan pelajar yang seimbang dan bersepadu. Budaya sekolah yang positif sangat berperanan dalam mempengaruhi tindakan guru untuk mengintegrasikan ilmu sains dan al-Quran. Iklim, budaya dan persekitaran sekolah yang positif dan kondusif bukan sahaja meransang peserta kajian untuk melaksanakan integrasi ilmu malah mempengaruhi perkembangan peribadi pelajar dari aspek sahsian dan intelek secara berintegrasi.

KESIMPULAN

Kesimpulannya kejayaan proses integrasi yang melibatkan tiga dimensi iaitu Pendidikan, kurikulum dan masyarakat bukanlah mengambil masa yang singkat untuk kita kecapinya. Proses ini memerlukan sokongan semua pihak sama ada kerajaan, pegawai Kementerian Pelajaran Malaysia, pendidik, pelajar dan tidak ketinggalan masyarakat itu sendiri. Kita perlu sentiasa komited dan meneruskan usaha yang mendalam bagi menghasilkan proses integrasi yang berkesan dan mencakupi seluruh aspek. Akhirnya kita akan membentuk sebuah masyarakat yang berjiwa sederhana, mengenal hakikat kebenaran, mengaplikasikan ilmu pengetahuan dengan cara yang betul dan seterusnya mencapai *self-actualization*. Selain itu masalah-masalah yang dihadapi guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan tugas sebagai pendidik turut mempunyai hubungan dengan proses pengintegrasian ilmu. Oleh itu perbincangan yang seterusnya memfokuskan kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam untuk mengintegrasikan ilmu sains dan al-Quran dalam pengajaran Pendidikan Islam.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri. 2011. Al-Quran dan alam sebagai sumber ilmu sains dalam pendidikan. Pendidikan Sains Berteraskan Tauhid. Khalijah Salleh pyt. Bangi: Penerbit UKM.
- Habsah Ismail. 2000. Kefahaman guru tentang konsep pendidikan bersepadu dalam kurikulum bersepadu sekolah menengah (KBSM). Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hussein Hj. Ahmad. 1993. *Pendidikan dan Masyarakat: Antara Dasar, Reformasi dan Wawasan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Merriam, S. B. 2001. *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. San Francisco: Jossey-Bass Pub.
- Miles, M. B. & Huberman, A. M. 1994. *Qualitative Data Analysis: An Expanded Sourcebook*. Edisi ke-2. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Miller, J. & Glassner, B. 1987. *The 'Inside' and the 'Outside' : Finding Realities in Interviews*. London: SAGE Publications.
- Mohd. Kamal Hasan. 1981. *Konsep Pendidikan Islam dalam Pendidikan Koleksi Dakwah*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Mohd Kamal Hasan. 1985. Al-Quran dan sains. Kertas kerja seminar falsafah dan sejarah Sains Islam. UKM. 19-21 Julai 1985.
- Mohd. Kamal Hasan. 1993. *Konsep Pendidikan Islam dan Matlamat Persekolahan Agama dan Arab di Malaysia dalam Pendidikan Islam Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Hisham Nawi. 2011. *Konsepsualisasi semula Kurikulum Pendidikan Islam*. Perak: UPSI.
- Noor Hisham Nawi. 2013. *Falsafah Ilmu*. Kelantan: Universiti Malaysia Kelantan.
- Noor Hisham Nawi. 2015. Perjuang pendidikan dari kesepaduan ke Islamisasi. Kelantan: Universiti Malaysia Kelantan.
- Osman Bakar. 2008. Tauhid dan sains. Indonesia: Pustaka Hidayah.
- Patton, M. Q. 1990. *Qualitative Evaluation and Research Methods*. Edisi ke-2. Newbury Park, CA: Sage Publications.
- Tunku Sarah Tunku Mhd. Jiwa. 1997. Pembinaan model penerapan nilai di dalam pengajaran di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Tesis Dr. Fal, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yin, R. K. 1994. *Case Study Research: Design and Methods*. Edisi ke-2. Thousand Oaks: Sage Publications, Inc.
- Zanaton Ikhsan. 2014. Pengintegrasian strategi pengajaran dan pembelajaran berteraskan sains dan al-Quran. Kertas Kerja Konvensyen Sekolah-Sekolah Tahfiz Aliran Sains Peringkat Kebangsaan. Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS): Shah Alam, 18-20